

JURNAL – AJARAN SESAT DALAM SOROTAN

PENCEMARAN DAN PENYELEWENGAN TERHADAP AL-QURAN DAN CARA-CARA MENGATASINYA

oleh Dato' Dr. Mahmud Saedon Awang Othman

Kertas kerja ini dibentangkan di Seminar Pembelajaran Al-Quran sempena Sambutan Ma'al Hijrah 1407 pada 5 - 6 September 1986 anjuran Bahagian Hal Ewval Islam, Jabatan Perdana Menteri Kuala Lumpur. Kertas ini telah disunting serba sedikit oleh penyusun buku ini.

Pengenalan

Kertas ini membicarakan mengenai penyelewengan terhadap Al-Quran secara komprehensif. Penulis mengkategorikan sebab-sebab penyelewengan Al-Quran pada kepercayaan bahawa wahyu masih turun setelah kewafatan Rasulullah s.a.w yang melahirkan pelbagai nabi palsu, penyelewengan dari sudut bacaan, penyelewengan dari sudut penulisan, penyelewengan dari sudut tafsiran, penyelewengan terhadap bukm-bukum Al-Quran. Penulis kemudiannya menyatakan aspek-aspek yang dapat menjaga keaslian Al-Quran dan ajarannya sehingga hari ini dan kemudian mengemukakan cadangan-cadangan sebagai langkah menjaga Al-Quran dari penyelewengan.

Kertas ini disertakan dalam buku ini kerana ia memberi gambaran pada pembaca akan bentuk-bentuk penyelewengan dan bagaimana ia boleh berlaku. Kebanyakan dari penyelewengan ini wujud dalam pelbagai ajaran-ajaran sesat yang ada hari ini.

MUKADDIMAH

Al-Quran, kitab Allah dan kalam Allah yang diturunkan kepada baginda Rasulullah s.a.w, melalui malaikat Jibrail di dalam bahasa Arab, membacanya merupakan ibadah, sampai kepada kita secara mutawatir, merupakan mukjizat yang terpenting baginda Rasulullah s.a.w, dimulai dengan surat Al-Fatihah dan disudahi dengan surah An-Nas.

Seperti yang telah ditegaskan oleh Allah s.w.t, Al-Quran diturunkan untuk memberi petunjuk, hidayah, rahmat membawa berita gembira, ubat ingatan, nur yang memandu manusia dari kegelapan kepada cahaya iman dan tauhid.


Al-Quran berfungsi untuk menyelesaikan masalah dan keperluan manusia. Ianya diturunkan untuk kepentingan seluruh manusia tanpa mengira bangsa, tempat dan masa. Terkandung di dalamnya panduan untuk manusia dalam semua aspek kehidupan, di bidang kerohanian; tauhid dan aqidah, di bidang akhlaq, budi pekerti, sikap dan tingkah laku, di bidang perundangan dan peraturan, panduan kepada ketua dan orang biasa, untuk si miskin dan kaya, untuk masa damai dan perang dan seterusnya.

Al-Quran adalah sumber ilmu pengetahuan dan falsafah, kebudayaan dan tamaddun, undang-undang dan peraturan. Ia merupakan benteng pertahanan dan sumber asas bagi aqidah, akhlaq dan syariat Islam. Musuh Islam senantiasanya berusaha agar ianya dicemar dan diselewengkan malahan matlamat terakhir mereka ialah menghancurkan sumber ini. Alhamdulillah, mereka gagal dan pasti akan gagal, insya Allah.

1. Wahyu Masih Diturunkan Selepas Wafatnya Baginda s.a.w

Di antara pencemaran dan penyelewengan yang cuba dilakukan oleh musuh-musuh Islam ialah dakwaan mereka tentang lahirnya nabi-nabi palsu dan turunnya wahyu buatan manusia selepas wafatnya baginda Rasulullah s.a.w.

Terdapat golongan yang mengaku sebagai nabi dan Rasulullah selepas



baginda s.a.w dan mereka mendakwa telah mendapat wahyu yang boleh menandingi Al-Quran.

Sebagai contoh ialah golongan *Al-Babaiyyin* yang menganggap bahawa *Al-Bab* dan *Baba Allah* adalah rasul-rasul Allah. Ini bererti mereka mengingkari asas terpenting aqidah Islam iaitu aqidah dan kepercayaan umat Islam yang mengatakan bahawa Muhammad Rasulullah s.a.w adalah penyudah segala nabi-nabi dan rasul-rasul. Tidak ada nabi dan rasul selepas baginda. Perutusan baginda adalah berkekalan dan bersesuaian untuk setiap zaman dan segala tempat dan seluruh lapisan masyarakat dan umat manusia.

Golongan *Al-Babaiyyin* ini mendakwa bahawa *Al-Bab* adalah seorang nabi dan rasul yang menerima wahyu dari yang Maha Agung dan Maha Kuasa. *Al-Babaiyyah* adalah agama Kitabi, dan kitab suci mereka yang muktamad ialah kitab yang dihasilkan oleh *Al-Bab* yang berjudul *Kitab Al-Bayaan* dan juga kitab-kitab yang dihasilkan oleh *Baba Allah* diantaranya ialah kitab yang berjudul *Al-Kalimati Al-Maktubah* dan *Kitab Al-Kudus*¹.

Untuk memperkuat dakwaan mereka bahawa *Al-Bab* dan *Baba Allah* adalah rasul dan dalam masa yang sama mengatakan bahawa Baginda s.a.w adalah bukan penyudah nabi-nabi dan rasul-rasul dan syariat Islam adalah tidak sesuai untuk setiap zaman dan segala tempat. Mereka telah mentafsirkan ayat Al-Quran yang berbunyi :

مَا كَانَ مُحَمَّدٌ أَبَا أَحَدٍ مِّن رِّجَالِكُمْ وَلَٰكِن رَّسُولَ اللَّهِ وَخَاتَمُ النَّبِيِّينَ
وَكَانَ اللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمًا

"Bukanlah Nabi Muhammad itu menjadi bapa yang sebenar bagi seseorang dari orang lelaki kamu tetapi ia adalah Rasul Allah dan kesudahan segala nabi-nabi." (Al-Ahzab : 40)

Menurut golongan ini, bahawa Nabi Muhammad s.a.w adalah penyudah bagi *Maqam Nubuwwah* dan bukan penyudah bagi *Maqam Risalah*, inilah tafsiran mereka terhadap ayat tersebut di atas. Golongan ini langsung tidak mengambil kira tafsiran ulama' Islam

¹ Ali Ali Mansur, *Al-Babaiyyah FI Asy-Syariah Wa Al-Qanun*, Al-Maktab Al-Islami, Beirut, ms 25 - 26.



yang muktabar. Mereka dengan secara sengaja menolak prinsip yang telah diterima di dalam Islam yang mengatakan bahawa *Maqam Al-Risalah* adalah khas dan *Maqam An-Nubuwwah* adalah am, ini bererti penyudah kepada *Maqam Am* bermakna penyudah kepada *Maqam Khas*. Penolakan mereka ini adalah didorong oleh keyakinan mereka untuk menegakkan dakwaan mereka yang bathil yang telah disebutkan tadi dengan cara memutarbelitkan pentafsiran Al-Quran².

Begitu juga Mirza Ghulam Ahmad Al-Qadian yang telah mendakwa pada mulanya sebagai Mujaddid dan akhirnya mengaku sama seperti Al-Masih Isa a.s. dan seterusnya mengaku sebagai Al-Masih. Di antara dakwaan Mirza Ghulam Ahmad yang mengatakan bahawa ianya adalah diutus sebagaimana Allah mengutus Al-Masih, ianya telah mengaku seperti Nabi Musa malahan lebih afdhal dari Nabi Musa dan dengan tiada teragak, dan segan silu ianya mengaku pula sebagai Al-Masih yang telah diturunkan oleh Allah secara ruhani. Mirza Ghulam Ahmad juga telah mengaku mendapat ilham yang ganjil. Pada hakikatnya dakwaan ini adalah bertujuan untuk mencemar dan menyelewengkan aqidah Islam dan Al-Quran.

Musailamah Al-Kazzab, juga telah mengaku menjadi nabi dan mendakwa telah menerima Al-Quran selain dari Al-Quran yang telah diturunkan oleh Allah s.w.t kepada Rasulullah s.a.w, melalui perantaraan malaikat yang bernama Rahman dan bukan Jibril. Di antara ayat yang beliau cipta ialah :

وَالشَّاءُ وَالْوَاهِيَّاتُ وَأَعْجَبُهَا السُّودُ وَأَلْبَانُهَا وَالشَّاءُ السُّودَاءُ وَاللَّبَنُ
الْأَبْيَضُ إِنَّهُ لَعَجِبٌ مَحْضٌ وَقَدْ حَرَّمَ الْمَذَقُ فَمَا لَكُمْ لَا تَمْنَعُونَ

Di dalam ayat Al-Quran palsunya yang lain pula :

الْفَيْلُ مَا الْفَيْلُ وَمَا أَدْرَاكَ مَا الْفَيْلُ لَهُ ذَنْبٌ وَبَيْلٌ وَخُرْطُومٌ طَوِيلٌ

Musailamah Al-Kazzab juga telah mendakwa menerima ayat Al-Kautsar yang berbunyi :

إِنَّا أَعْطَيْنَاكَ الْجَمَاهِرَ فَصَلِّ لِرَبِّكَ وَجَاهِرٍ إِنَّ شَانِكَ هُوَ الْكَافِرُ

² Ali Ali Mansur, *Al-Bahaiyah FI Asy-Syariah Wa Al-Qanun*, ms 25 - 26.

Kemudian Tulaihah bin Khuwailid Al-Asadi juga telah mengaku menjadi Nabi dan mendakwa telah diturunkan kepadanya wahyu. Ianya dibawa oleh malaikat yang bernama "Za An-Nun". Di antaranya wahyu palsu yang didakwa telah diturunkan kepadanya ialah:

إِنَّ اللَّهَ لَا يَضَعُ بِتَغْيِيرِ وَجْهِكُمْ وَقَبْحِ أَدْبَارِكُمْ شَيْئًا
فَاذْكُرُوا اللَّهَ قِيَامًا فَإِنَّ الرَّغْوَةَ فَوْقَ الصَّرِيحِ

Di dalam wahyu palsu yang lain pula

وَالْحَمَامِ وَالْيَمَامِ وَالصَّرْدِ الصَّوَامِ فَقَدْ ضَمِنَ قَبْلَكُمْ بِأَعْوَامٍ
لَيَسْلَعَنَّ مَلَكُنَا الْعِرَاقَ وَالشَّامَ

Dakwaan musuh-musuh Islam yang mengatakan bahawa Allah telah mengutus nabi-nabi dan rasul-rasul selepas Nabi Muhammad s.a.w dan juga telah menurunkan wahyunya selepas Al-Quran ternyata bohong dan palsu. Dakwaan-dakwaan seperti ini ternyata ditolak oleh umat manusia dan tidak dapat dibuktikan kebenarannya. Akhirnya, nabi-nabi palsu ini tidak mendapat tempat dan tidak mempunyai pengaruh dan pengikut seperti yang mereka harapkan. Seruan mereka dilakukan secara rahsia. Akhirnya seruan ini mati dan berkubur dengan mati dan berkuburnya nabi-nabi palsu tadi.

Wahyu-wahyu palsu mereka juga tidak mendapat perhatian kerana tidak mempunyai nilai dari segenap segi dan tidak mempunyai ciri-ciri wahyu yang sebenarnya terutama dari segi isi kandungan dan perutusan. Di samping itu, ketinggian bahasa dan keindahan mutunya juga tidak ada. Wahyu-wahyu palsu ini juga gagal untuk mengemukakan unsur-unsur kesusasteraan. Ianya langsung tidak menarik ahli bahasa dan sastera. Tidak ada keaslian dan keperibadian di dalam menghasilkan karya. Hal ini adalah jelas jika kita memerhatikan contoh, wahyu palsu yang dibawa oleh nabi-nabi palsu yang telah diperturunkan di atas tadi.

Amat tepat sekali cabaran Allah s.w.t kepada manusia dan jin supaya menghasilkan karya yang boleh menandingi Al-Quran. Jika gagal lagi, hasilkan sahaja satu surah walaupun yang boleh menandingi sependek-pendek surah Al-Quran.

Namun demikian mereka telah gagal dan akan terus gagal untuk menyahut cabaran ini, kerana Al-Quran itu adalah mukjizat dan

kalam Allah, ianya bukan ciptaan Rasulullah s.a.w.

2. Penyelewengan Dalam Bacaan (Qiraat)

Di samping terdapatnya usaha kearah mencemarkan dan menyelewengkan Al-Quran dengan cara mendakwa bahawa Allah telah menurunkan Al-Quran dan wahyu-wahyunya kepada nabi-nabi palsu selepas baginda s.a.w, terdapat pula suatu jenis pencemaran dan penyelewengan terhadap Al-Quran, iaitu melalui pembacaan Al-Quran.

Walaupun demikian, usaha ini juga telah dapat dibongkar dan dipatahkan. Hasilnya ialah bacaan Al-Quran yang ada pada hari ini tetap mutawatir dan mengikut bacaan asalnya yang diterima turun-temurun sejak dari generasi pertama umat Islam di bawah ajaran dan bimbingan baginda s.a.w.

Seperti yang telah diriwayatkan oleh Al-Imam As-Sayuti bahawa terdapat enam jenis bacaan qiraat iaitu:

1. Bacaan *Mutawatir*

Yang dimaksudkan dengan bacaan *Mutawatir* ini ialah bacaan yang diriwayatkan dari satu generasi kepada satu generasi dan mustahil bagi mereka untuk bersepakat untuk berbohong seperti bacaan tujuh *Al-Qiraati As-Saba'* (القراءات السبع) iaitu, Nafie', 'Assim, Hamzah, Abdullah bin Amir, Abdullah bin Kasir, Abu Amru bin al'Ala dan 'Ali al-Kasai.

2. Bacaan *Masyhur*

Yang dimaksudkan dengan bacaan *Masyhur* ini ialah, bacaan yang diriwayatkan oleh perawi yang *Adil Dhabit* عادل, ضابط dan bersesuaian dengan bahasa Arab dan mushaf Uthmani samada ianya terdiri dari bacaan tujuh seperti yang tersebut di dalam bacaan mutawatir atau 10, iaitu yang terdiri dari bacaan 7 yang mutawatir dengan ditambah lagi dengan bacaan yang 3 iaitu : Abi Jaafar, Yaakob dan Khalaf atau yang lain dengan syarat ianya bukan bacaan yang salah dan ganjil شاذ sedangkan ianya tidak sampai kepada martabat mutawatir.



Hukum *Qiraat Mutawatir* dan *Qiraat Masyhur* adalah wajib diiktirafkan kebenarannya dan tidak harus ditolak dan diingkar.

3. Bacaan Yang Sah Sanadnya

Yang dimaksudkan dengan bacaan yang sah sanadnya ialah, bacaan yang sanadnya adalah sah tetapi menyalahi *Ar-Rasmu* (tulisan) ataupun *Al-Arabiyyah* (Bahasa Arab) atau tidak sampai kepada martabat yang masyhur.

Hukum bacaan ini ialah, ianya tidak wajar untuk dibaca dan tidak wajib diiktikadkan kesohilannya. Seperti bacaan yang diriwayatkan oleh Al-Hakim dari jalan *عاصم الحديري* dari Abu Bukrah, bahawa Rasulullah s.a.w membaca

4. Bacaan *Shaa'z*


Yang dimaksudkan dengan bacaan *Shaa'z* atau ganjil ialah, bacaan yang tidak sah sanadnya. Seperti bacaan Ibnu Sahamafik (ابن السهمفك) (فَالْيَوْمَ نُخَيِّكُ بَيْدَ نِكَ).

5. Bacaan *Maudhu'*

Yang dimaksudkan dengan bacaan *Maudhu'* atau bacaan yang dipalsukan ialah, bacaan yang dinisbahkan kepada seseorang sedangkan ianya tidak mempunyai asal yang sebenar seperti bacaan yang dikumpulkan oleh Mohammad bin Jaffar Al-Khuza'i dan dinisbahkan bacaan ini kepada Imam Abu Hanifa, sedangkan ianya tidak benar dan tidak berhasil. Dari Imam Abu Hanifah cuma hanya dinisbahkan oleh Muhammad bin Jaafar Al-Khuza'i kepada Imam Abu Hanifa.

6. Bacaan yang menyerupai *Mudarij* di dalam hadits.

Yang dimaksudkan dengan bacaan yang menyerupai *Mudarij* di dalam hadits ini ialah, penambahan yang dilakukan di dalam bacaan sebagai tafsiran seperti *Qiraah Sa'id B. Abi Al-Waqqas* (وَلَهُ أَخٌ أَوْ أُخْتٌ مِنْ أُمِّ) dengan penambahan lafaz (مِنْ أُمِّ) dan juga seperti (لَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ أَنْ تَبْتَغُوا فَضْلًا مِنْ رَبِّكُمْ فِي مَوَاسِمِ الْحَجِّ).



dengan penambahan lafaz (*فِي مَوَاسِمِ الْحَجِّ*).

Menurut Ibnu Al-Juzri mungkin mereka menambah dan memasukkan tafsir di dalam bacaan ini supaya jelas kerana mereka telah pasti dengannya apabila mereka menerima bacaan Al-Quran ini dari Rasulullah s.a.w sedangkan penambahan ini tidak memberikan kesan yang tidak baik kepada mereka kerana mereka adalah terselamat dan aman dari sebarang kesamaran. Dengan ini, adalah jelas bahawa penambahan ini bukanlah Al-Quran tetapi adalah merupakan tafsiran Al-Quran.

Dari keenam-enam jenis bacaan di atas tadi, adalah jelas bahawa jenis pertama dan kedua adalah diterima dan tidak boleh ditolak. Jenis ketiga pula, walaupun sah sanadnya tetapi ianya tidak wajar untuk dibaca di dalam sembahyang dan tidak wajib diiktikadkan kebenarannya. Sementara jenis keempat dan kelima adalah jelas merupakan sesuatu pencemaran dan penyelewengan di dalam bacaan Al-Quran. Ianya hendaklah dibanteras dan dihindarkan, apatah lagi untuk dibaca di dalam sembahyang adalah haram kerana ianya bukan Al-Quran dan juga bukan tafsiran Al-Quran, malahan ianya adalah sesuatu yang tidak sah sanadnya dan *Sbaaz* dan yang kelima pula, bukan setakat tiada sah sanadnya malahan lebih dari jauh dari itu ianya adalah 'Maudhu' (Qur'an yang dipalsukan). Jenis keenam pula, bukanlah merupakan Al-Quran tetapi hanyalah sebagai penjelasan dan tafsiran kepada Al-Quran.

Pada hakikatnya ianya bukanlah merupakan sesuatu pencemaran dan penyelewengan malahan ianya boleh membantu kita kearah memahami maksud ayat Al-Quran berdasarkan tafsiran yang telah diberikan; dengan syarat hendaklah ditegaskan dan dijelaskan kedudukan penambahan-penambahan ini supaya tidak timbul kesamaran diantara Al-Quran dengan penafsirannya dan dengan demikian itu akan memudahkan untuk dibezakan di antara keduanya. Adalah menjadi kewajipan kepada kita semua untuk membersihkan Al-Quran dari setiap pencemaran dan penyelewengan.

Terdapat lagi beberapa jenis penyelewengan dan pencemaran di dalam pembacaan Al-Quran di antaranya ialah :



- a. Membaca Al-Quran dengan cara berlagu-lagu sehingga ianya merosakkan hukum tajwid, malah telah ada gejala-gejala yang menunjukkan pembacaan Al-Quran dilakukan mengikut rentak yang mirip kepada lagu-lagu Hindustan. Cara ini adalah jelas haramnya dan merupakan pencemaran dan penyelewengan.

Lebih jauh dari itu, terdapat juga pendapat beberapa ulama' yang mengatakan bahawa membaca Al-Quran secara berlagu walaupun tidak terkeluar dari hukum tajwid adalah makruh hukumnya.

Menurut Sheikh Khalil Khusairi, terdapat perbezaan pendapat dikalangan ulama' berhubung dengan hukum di dalam membaca Al-Quran (berlagu).

Ada yang menyatakan hukumnya adalah makruh - di antara mereka ialah Anas bin Malik, Said bin Masayib, Said bin jabir, Al-Hassan bin Basri, Ibn Sirin, Malik bin Anas dan Ahmad bin Hambal.

Ada yang mengatakan bahawa ianya adalah harus, diantara mereka ialah Abdullah bin Abbas, Abdullah bin Mas'ud, Ata' ibnu Abi Rabah, Abu Hanifah dan ulama' mazhabnya, Imam Syafie dan ulama'-ulama'nya dan Ibnu Al-Mubarak.

Kedua-dua golongan ini mempunyai alasan dan hujah-hujah mereka, walau bagaimanapun adalah jelas bahawa kecenderungan ulama' dan juga Qurra' (قراء) dan Muqriin (مقرئين) di zaman ini adalah ke arah mengharuskan. Tidaklah dapat dinafikan bahawa bacaan Al-Quran dengan suara yang merdu, bacaan yang lunak, lidah yang fasih, huruf yang jelas berpandukan hukum tajwid adalah mendatangkan kekhusukkan kepada pendengar.

Syeikh Khalil Khusairi telah menegaskan bahawa :

"Adalah wajib bagi setiap pembaca Al-Quran membacanya berdasarkan kinayah dan kaedah yang telah ditetapkan oleh syarak supaya ianya mendapat ganjaran dari Allah, jika ianya cuai di dalam hal ini maka ianya adalah berdosa, kaedah

dan kaifiyah pembacaan Al-Quran ini ialah, membacanya mengikut hukum tajwid, menyebut huruf dengan tepat. Menyampaikannya dengan baik, semuanya ini hendaklah dilakukan cara bersungguh-sungguh, berhati-hati, bertartil dan ihsan."


- b. Membaca Al-Quran dengan tidak mengikut aturan dan tertib Al-Quran yang telah ditetapkan oleh syarak. Menyalahi susunan ayat Al-Quran yang diturunkan oleh Allah s.w.t seperti yang diperintahkan oleh baginda s.a.w malahan ianya dilakukan oleh baginda berdasarkan perintah dari Allah s.w.t, ianya adalah tauqifi dan bukan ijihad.

Pembacaan Al-Quran jenis ini, akan membaca ayat Al-Quran dengan tidak mengikut aturan dan tertib susunan ayat malahan dengan cara melompat dari satu ayat kepada satu ayat dan dengan meninggalkan yang disukainya dan membaca yang dikehendaknya semata-mata berdasarkan hawa nafsu dan keinginannya sahaja. Perbuatan ini adalah haram ianya merupakan perbuatan bid'ah yang sesat, ianya merupakan salah satu cara pencemaran dan penyelewengan di dalam membaca Al-Quran. Oleh yang demikian ianya hendaklah dibenteras dan dihapuskan.

3. Musabaqah Tilawah dan Tahfiz Al-Quran

Suatu perkembangan yang baik dan sihat di dalam pembacaan Al-Quran ialah, wujudnya Musabaqah Tilawah dan Tahfiz Al-Quran yang dianjurkan oleh negara dan masyarakat Islam seperti Arab Saudi, Kuwait, Iran dan Malaysia. Sebagai contoh di Malaysia Musabaqah ini dianjurkan oleh Kerajaan Pusat dan juga kerajaan-kerajaan Negeri. Di daerah malahan di kampung-kampung ianya juga dianjurkan oleh perbadanan-perbadanan kerajaan dan syarikat-syarikat swasta umumnya Musabaqah Tilawah dan juga Tahfiz Al-Quran ini dianjurkan secara menyeluruh dan meluas.

Musabaqah Tilawah dan Tahfiz Al-Quran ini adalah baik dan sepatutnya digalakkan dengan syarat ianya hendaklah mengikut dan terikat kepada adab dan peraturan yang telah ditetapkan oleh syariat



Islam. Dengan cara ini Musabaqah itu tidak akan terkeluar dan menyeleweng dari tujuannya yang sebenar untuk menggalakkan umat Islam supaya memperelokkan bacaan Al-Quran dan tujuan musabaqah ini. Seperti Musabaqah Tilawah Al-Quran yang disertai oleh perempuan dewasa sepatutnya pembacaannya hanyalah diperdengarkan kepada perempuan sahaja kerana suara perempuan dewasa ini boleh menimbulkan fitnah dan ianya adalah aurat.

Di Majlis Musabaqah juga kadangkala di perdengarkan Qasidah yang dialunkan oleh perempuan dewasa sedang pendengarannya terdiri dari lelaki dan perempuan, kanak-kanak dan orang tua, lebih jauh dari itu, terdapat juga Musabaqah yang disertakan dengan nasyid yang dinyanyikan oleh perempuan dan lelaki dan juga yang diiringi dengan alat-alat muzik yang jelas bertentangan dengan roh dan semangat ibadat membaca Al-Quran.

4. Pencemaran dan Penyelewengan Di Dalam Penulisan Al-Quran

Ulama' Islam sangat-sangat mengambil berat tentang cara dan kaedah penulisan Al-Quran, bidang ini terkenal dengan **عِلْمُ الرَّسْمِ وَالضَّبْطِ لِلْقُرْآنِ** ianya bertujuan untuk memberikan panduan yang betul dan tepat tentang cara dan kaedah penulisan Al-Quran supaya ianya tetap kekal dengan keasliannya dan setiap penyelewengan di dalam penulisan Al-Quran akan dapat dikesan dengan segera, sebelum ianya tersebar luas. Dengan itu ianya dengan mudah akan dapat dibenteras dan diatasi.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa terdapat beberapa perbezaan di dalam penulisan Al-Quran. Sebagai contoh, Al-Quran yang dikeluarkan di Mesir, Kuwait dan Arab Saudi adalah berdasarkan kaedah penulisan '*Ar-Rasmu Al-Uthmani*', sedangkan yang dikeluarkan di negeri-negeri lain seperti Pakistan dan India terdapat yang tidak berdasarkan rasm tersebut. Disamping itu ada yang dikeluarkan di Maghribi berdasarkan '*Ar-Rasmu Al-Maghribi*'. Untuk makluman rasm Al-Maghribi ini pada asasnya adalah berdasarkan *Ar-Rasm Al-Uthmani*, walaupun demikian terdapat sedikit perbezaan iaitu dari segi titik, di mana sebahagian huruf seperti '*Qaf*' (قاف)

dengan titik satu dan bukan dua.

Adalah perlu supaya penulisan Al-Quran ini selaras dan seragam kerana perbezaan-perbezaan ini jika dibiarkan berterusan dan berleluasa maka ianya akan memberikan kesan yang kurang sihat walaupun ianya belum lagi melahirkan penyelewengan dan menghasilkan pencemaran.

Namun demikian tidak mustahil di masa-masa akan datang ianya akan menimbulkan penyelewengan dan pencemaran terhadap Al-Quran sebagai natijah dari penulisan yang tidak berdasarkan kaedah tetap dan mantap. Adalah wajib bagi sesiapa sahaja yang ingin menulis Al-Quran terikat dan mengikut kaedah yang telah ditetapkan, dengan itu penyelewengan dan pencemaran Al-Quran melalui penulisan akan datang dapat dielakkan dan dibanteras.

Di dalam hubungan ini, terdapat perbezaan pendapat di kalangan ulama' berhubung dengan cara dan kaedah yang boleh digunakan di dalam penulisan Al-Quran. Pendapat mereka ini bolehlah disimpulkan kepada tiga golongan :

- i. Golongan yang berpendapat bahawa harus menulis Al-Quran berdasarkan *Kaedah Imla'i* atau yang dinamakan juga dengan *Ar-Rasm Al-Qiyasi* dan tidak wajib menulisnya berdasarkan *Ar-Rasm Al-Uthmani*. Di antara ulama golongan ini ialah Al-Qadi Abu Bakr Al-Baqilani, Ibn Khaldun dan lain-lain lagi.
- ii. Golongan yang berpendapat bahawa wajib menulis Al-Quran untuk orang umum berdasarkan *Kaedah Imla'i* yang terkenal di kalangan mereka dan tidak harus menulisnya berdasarkan *Ar-Rasm Al-Uthmani*, tetapi hanya digunakan bagi golongan yang khusus sahaja. Di antara ulama golongan ini ialah Imam Badaruddin Az-Zarkasi dan Imam Izzuddin Abdul Salam.
- iii. Golongan yang berpendapat bahawa wajib menulis Al-Quran dengan menggunakan *Ar-Rasm Al-Uthmani* ini adalah pendapat jumhur ulama Salaf dan Khalaf.

Menurut Ja'bari dan lain-lain, bahawa keempat-empat Imam Mazhab

(Imam Malik, Abu Hanifa, Shafie dan Ahmad bin Hanbal) berpendapat bahawa wajib menulis Al-Quran mengikut *Ar-Rasm Al-Uthmani*.

Jumhur ulama telah mengutarakan beberapa dalil untuk memperkuat pendapat mereka ini. Di antaranya ialah *Ar-Rasm Al-Uthmani* telah pun di terima oleh sahabat secara ijma', malahan ini adalah berdasarkan cara dan kaedah tulisan dan penulisan-penulisan wahyu baginda s.a.w yang ditulis semasa hayat baginda dan telah dipersetujui oleh baginda Rasulullah s.a.w sendiri.

Pada hakikatnya ia bukanlah ciptaan Saidina Othman. Oleh yang demikian *Ar-Rasm Al-Uthmani* ini telah sabit bahawa ianya adalah tulisan yang telah dipersetujui oleh baginda s.a.w dan diterima oleh sahabat secara ijma' dan dipersetujui oleh Tabi'in, Atba' At-Tabi'in dan imam-imam Mujtahidin maka tidaklah harus bagi kita meninggalkannya, tambahan pula ianya adalah merupakan salah satu asas kepada bacaan yang sah³.

Adalah jelas bahawa, tidak boleh dinafikan yang kita memerlukan kepada keseragaman bentuk tulisan bagi Al-Quran, kita memerlukan *Ar-Rasm* (الرسم) dan *Adb-Dhabi* (الضبط) bagi Al-Quran di dalam bentuk yang sama, seragam dan selaras, supaya umat Islam di mana sahaja mereka berada terikat dengan kaifah dan kaedah penulisan yang sama, cara ini akan dapat membanteras penyelewengan dan mencegah pencemaran penulisan Al-Quran.

Ini adalah satu keperluan, *Ar-Rasm Al-Uthmani* boleh dijadikan panduan dan ikutan. Semua tulisan Al-Quran hendaklah terikat dengan kaifah dan kaedah ini *Ar-Rasm Al-Uthmani*. Kalau ini dilaksanakan, ianya mungkin menimbulkan sedikit kesulitan kepada generasi baru umat Islam di seluruh dunia.

Namun demikian kesulitan ini hanyalah bersifat sementara sahaja di dalam zaman peralihan kerana mereka telah diperkenal dan dilatih menggunakan *Ar-Rasm Al-Imla'i* atau *Ar-Rasm Al-Qiasi* di dalam

³ Ali Muhammad Adh-Dhabba', *Samir At-Talibin Fi Rasm Wa Dhabi Al-Kitab Al-Mubin*, Mesir, ms 19.

membaca dan menulis Al-Quran. Namun kesulitan yang bersifat sementara ini tidaklah boleh dijadikan alasan untuk meninggalkan *Ar-Rasm Al-Utbmani*, walaupun demikian ini tidaklah bermaksud untuk menghapuskan *Ar-Rasm Al-Imla'i* kerana dalam masa yang sama *Ar-Rasm Al-Imla'i* bolehlah dijadikan langkah pertama kearah mempelajari Al-Quran yang berdasarkan *Ar-Rasm Al-Utbmani*.

b. Penulisan Al-Quran dengan Huruf Latin

Telah wujud perkembangan baru di dalam penulisan Al-Quran, iaitu usaha setengah pihak yang telah mula menulis Al-Quran dengan menggunakan huruf-huruf Latin, penulisan ini terkenal dengan penulisan cara 'transliterasi'.

Malahan perkembangan ini juga telah mula menular ke negara kita. Sebagai contoh, hari ini telah tersebar luas surah-surah Yasin yang ditulis dengan menggunakan huruf-huruf Latin.

Pada zahirnya, cara ini mendatangkan faedah, kerana ianya akan dapat mempermudah golongan yang tidak tahu membaca Al-Quran dengan huruf-huruf asalnya supaya dapat membacanya melalui huruf Latin tetapi apabila kita perhatikan dengan lebih mendalam, maka akan kita dapati kesan buruk dari usaha ini, walaupun mungkin usaha ini dilakukan dengan tujuan yang baik dan ikhlas kerana pembacaan Al-Quran berdasarkan huruf Latin ini boleh menyebabkan kita terkeluar dan menyeleweng dari kaedah dan kaifiah penulisan Al-Quran iaitu *Ar-Rasm Al-Utbmani*. Huruf-huruf Latin tidak akan menjadi ganti yang tepat kepada huruf-huruf Al-Quran dari segi bentuk dan makhraj. Sedangkan bentuk *Ar-Rasmu* (الرسم) dan *Ad-Dhabt* (الضبط) juga makhraj huruf-huruf Al-Quran bukan berdasarkan ijthad tetapi ianya adalah '*Tauqifi*' (توقيفي) di samping itu huruf-huruf Latin sudah pasti tidak akan berupaya untuk mewakili harakat huruf-huruf Al-Quran, dan tidak berkemampuan untuk mengganti (شكل) yang wajib dijaga semasa membaca Al-Quran.

Supaya keaslian dan ketulinan Al-Quran dapat dijaga dan kesuciannya dapat dipertahankan agar tidak berlaku sebarang bentuk penyelewengan dan pencemaran maka usaha kearah menulis Al-Quran berdasarkan huruf-huruf selain dari huruf-huruf Al-Quran dan

berdasarkan kaedah dan kaifiah selain dari *Ar-Rasm Al-Uthmani* hendaklah tidak digalakkan dan wajarlah untuk dielakkan walaupun pada suatu ketika ianya dianggap perlu.

6. Pencemaran dan Penyelewengan Di Dalam Mentafsir Al-Quran

Berbagai cara dan usaha yang telah di lakukan oleh musuh-musuh Islam, sama ada dari luar atau dalam, untuk merosakkan Islam, diantaranya ialah menolak salah satu peranan Sunnah Rasulullah s.a.w iaitu sebagai pentafsiran dan penjelasan kepada Al-Quran.

Di samping itu mereka berusaha keras mencemar dan menyelewengkan tafsir dan maksud Al-Quran supaya memenuhi kehendak nafsu mereka, bersesuaian dengan keinginan dan kefahaman mereka.

Cara yang mudah bagi mereka ialah mentafsir dan menterjemahkan Al-Quran tanpa terikat kepada kaedah dan '*Manhaj Tafsir Al-Quran*' dan kehendak bahasa Al-Quran itu sendiri. Usaha musuh-musuh Islam ini jika tidak dibanteras dan niat buruk mereka ini jika tidak didedahkan bukan sahaja akan membuka pintu pencemaran dan penyelewengan terhadap Al-Quran malahan lebih jauh dari itu, ianya bertujuan untuk merosakkan aqidah umat Islam dan membatalkan syariat Allah.

a. Golongan yang menolak As-Sunnah sebagai menjelas dan mentafsir Al-Quran, mereka mendakwa bahawa, untuk memahami Al-Quran dan melaksanakan hukum-hukumnya tidak memerlukan pentafsiran dan penerangan lanjut dari Sunnah Rasulullah s.a.w.

Golongan seperti ini telah pun wujud pada zaman Imam Shafie dan juga lahir pada masa akhir-akhir ini di Pakistan, India⁴, di Amerika dan yang terakhir sekali ialah ianya telah mula timbul di negara kita Malaysia.

⁴ Muhammad Mahmud Sawwaf, *Al-Quran: Anwaruhu Wa Ausofuhu Wa Fadhbailuhu*, Mesir, ms 100.

Ulama telah mensifatkan golongan seperti ini sebagai 'Zindiq'⁵. Pada hakikatnya mereka bertujuan untuk meletakkan Al-Quran dibawah kehendak nafsu dan akal fikiran mereka dan untuk membatalkan syariat dan menolak asas aqidah Islam. Sebagai contoh Al-Quran tidak menyatakan rukun Islam tetapi ianya ditegaskan oleh Sunnah Rasulullah s.a.w. Al-Quran juga tidak menyatakan rukun Iman tetapi As-Sunnah yang menegaskan. Al-Quran tidak mengajar kalimah syahadah tetapi ianya disabitkan melalui Sunnah Rasulullah s.a.w.

Sebagai contoh selanjutnya, Allah telah mengizinkan kita supaya bernikah melalui Al-Quran tetapi Allah tidak menyebutkan tentang rukun dan syarat nikah yang diperlukan supaya nikah tadi sah. Al-Quran tidak menjelaskan tentang wali dan saksi dan perlunya akad. Kalaulah As-Sunnah tidak menjelaskan hukum-hukum Al-Quran atau pentafsiran Rasulullah s.a.w tidak diperlukan maka sudah tentu tidak ada perbezaan di antara nikah dengan zina kerana nikah menurut bahasa bermakna bercantum dan bertemu.

Sebagai contoh seterusnya, Allah telah memerintahkan supaya kita mendirikan sembahyang, tanpa menyebut sembahyang lima waktu atau sembahyang-sembahyang yang lainnya. Walaupun terdapat perintah Allah supaya diserukan sembahyang pada hari Jumaat tetapi tidak dijelaskan apakah ianya sembahyang khusus yang hanya dua rakaat berserta dengan khutbah pada waktu zohor atau yang lain. Demikian juga dengan Sembahyang Hari Raya Aidil Fitri dengan khutbah dan caranya tidak sebutkan oleh Al-Quran. Berhubung dengan sembahyang Aidil Adha juga tidak dijelaskan waktunya, caranya rakaatnya malahan yang hanya disebutkan ialah Allah memerintahkan supaya bersembahyang dan menyembelih binatang.

Malahan sembahyang lima waktu juga tidak dijelaskan cara dan kaedah. Kalaulah dikatakan bahawa tidak perlu cara dan kaedah maka bolehlah ditafsirkan sembahyang yang diperintahkan oleh Allah di dalam Al-Quran ini mengikut saluran persendirian dan keinginan nafsu perseorangan maka ini tidak lain tidak bukan hanyalah seruan-

⁵ Dr. Wahbah Az-Zuhaili, *Al-Wasit Fi Usul Al-Fiqh Al-Islami*, Al-Matba'ah Al-Ilmiah, Damsyiq, ms 248.

seruan musuh-musuh Islam dan sikap orang-orang 'Zindiq' yang ingin merosakkan aqidah dan membatalkan syariah. Akhirnya sembahyang tidak lain tidak bukan hanyalah doa dalam bentuk dan cara apa sekalipun dan pada bila-bila masa sahaja sudah memadai.

Sikap menolak As-Sunnah sebagai salah satu sumber undang-undang Islam dan sebagai penjelasan dan pentafsiran Al-Quran adalah terkeluar dari aqidah kaum muslimin. Al-Quran dengan jelasnya telah menyatakan bahawa di antara peranan terpenting As-Sunnah ialah menerang dan menjelaskan kandungan Al-Quran. Di antara ayat Al-Quran yang menegaskan hal demikian ialah:

Firman Allah s.w.t

لَقَدْ مَنَّ اللَّهُ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ إِذْ بَعَثَ فِيهِمْ رَسُولًا مِنْ أَنْفُسِهِمْ يَتْلُوا عَلَيْهِمْ آيَاتِهِ
وَيُزَكِّيهِمْ وَيُعَلِّمُهُمُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَإِنْ كَانُوا مِنْ قَبْلُ لَفِي ضَلَالٍ مُبِينٍ

"Sesungguhnya Allah telah mengurniakan (rahmatnya) kepada orang-orang yang beriman setelah Ia mengutuskan dalam kalangan mereka seorang dari bangsa mereka sendiri yang membacakan kepada mereka ayat-ayat Allah, dan membersihkan mereka serta mengajar mereka Al-Kitab dan Al-Hukum sesungguhnya mereka sebelumnya (sebelum kedatangan nabi Muhammad s.a.w) adalah dalam kesesatan yang nyata." (Ali Imran : 164)

2. Di dalam ayat yang lain Allah s.w.t berfirman,

كَمَا أَرْسَلْنَا فِيكُمْ رَسُولًا مِنْكُمْ يَتْلُوا عَلَيْكُمْ آيَاتِنَا وَيُزَكِّيكُمْ
وَيُعَلِّمُكُمُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَيُعَلِّمُكُم مَّا لَمْ تَكُونُوا تَعْلَمُونَ

"Samalah seperti kami mengutuskan kepada kamu seorang Rasul dari kalangan kamu (Nabi Muhammad) yang membacakan ayat-ayat Kami kepada kamu dan membersihkan kamu, yang mengajarkan Al-Kitab (Al-Quran) dan Al-Hikmat dan mengajarkan kamu apa yang kamu belum ketahui." (Al-Baqarah : 151)

Dari kedua-dua ayat di atas, adalah jelas bahawa Allah s.w.t mengutus Rasulullah s.a.w sebagai suatu rahmat dari-Nya untuk:

- a. Membacakan ayat-ayat-Nya, ini bermakna menyampaikan Al-Quran dengan cara membacakannya supaya dapat dihafaz oleh

- sahabat dan juga supaya dapat dicatat dan ditulis oleh penulis, penulis wahyu.
- b. Mentazkiaahkan sahabat-sahabat baginda dan juga kaum muslimin dari segala penyakit batin supaya menjadi golongan mukmin dalam erti kata yang sebenar.
 - c. Mengajarkan Al-Kitab (Al-Quran). Ini bermakna baginda Rasulullah s.a.w bukan setakat menyampaikan dan membacakan Al-Quran malahan lebih jauh dari itu, baginda juga diutus oleh Allah untuk menerang dan menjelaskan isi dan kandungan Al-Kitab supaya dapat difaham dan dihayati. Ini adalah yang dimaksudkan dengan mengajarkan Al-Kitab, iaitu mengajarkan isi kandungannya.
 - d. Mengajarkan Al-Hikmat yang telah dikurniakan oleh Allah s.w.t kepada Baginda, Al-Kitab dan Al-Hikmat di dalam ayat ini adalah dua perkara yang berlainan, jadi hikmat yang diajarkan oleh Rasulullah s.a.w ini ialah As-Sunnah.
 - e. Selain dari membacakan Al-Quran, mengajar isi kandungannya, mengajarkan Al-Hikmat, memimpin kearah hidayat dan tauhid, membersihkan mereka dari kekufuran dan kesyirikan, baginda juga mengajar mereka perkara-perkara yang mereka tidak ketahui sebelumnya.

Di dalam ayat yang lain Allah s.w.t berfirman

وَأَنزَلْنَا إِلَيْكَ الذِّكْرَ لِتُبَيِّنَ لِلنَّاسِ مَا نُزِّلَ إِلَيْهِمْ وَلَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ

"Kami pula turunkan kepada kamu (wahai Muhammad) Al-Quran yang memberi peringatan supaya engkau menerangkan kepada umat manusia apa yang diturunkan kepada mereka." (An-Nabl : 44)

Dari ayat-ayat yang tersebut di atas, adalah jelas bahawa Nabi s.a.w adalah diperintahkan oleh Allah s.w.t supaya menerangkan kepada umat manusia isi kandungan Al-Quran. Tugas Baginda Rasulullah s.a.w bukan setakat menunjukkan kepada manusia - inilah Al-Quran, inilah Kitab Allah, inilah Al-Kitab, ikutilah ajaran-Nya - seperti seekor burung kakak tua yang hanya pandai menyebut sesuatu

perkara tanpa memahami isi dan maksud perkara yang disebutkan itu, atau hanya seperti alat perakam suara yang menyampaikan dan mengulang-ngulang rakaman suara dan kata-kata tanpa mengetahui isi kandungannya. Jauh sama sekali untuk menerang dan menjelaskannya. Maha Suci Allah dari menjadikan rasul-rasul-Nya *Alaibim As-Solatu Was Salam* seperti burung kakak tua atau alat perakam suara.

- b. Mentafsir Al-Quran berdasarkan makna batin dan menolak makna zahir.

Salah satu cara untuk musuh-musuh Islam mencemar dan menyelewengkan Al-Quran ialah dengan cara mentafsir Al-Quran berdasarkan makna batin dan menolak makna zahir. Tafsir jenis ini terkenal dengan nama tafsir batiniyah. Golongan yang berpegang dengan makna zahir dan batin, tetapi yang dimaksudkan sebenarnya oleh Allah ialah makna batin. Adapun makna zahir ianya hendaklah ditolak. Yang demikian, mereka berpegang kepada batin Al-Quran sahaja.

Menurut Muhammad Abdul Azim Az-Zarqani, terdapat beberapa golongan Batiniyah, diantaranya ialah Al-Qaramitah (القرامطة), Al-Ismailiah (الإسماعيلية), As-Sabi'iyah (السبئية), Al-Haramiah (الحرمية) Al-Babakiah (البابكية) dan Al-Mahmarah (المحمرة).

Sebagai contoh pencemaran dan penyelewengan mereka ialah, mereka mengatakan yang dimaksudkan dengan "*Al-Kaabab*" ialah Saidina Muhammad s.a.w. "*Al Bab*" ialah Saidina Ali r.a, *As-Safa* ialah Nabi s.a.w, *Al-Marwah* ialah Ali r.a, Nar Ibrahim ialah kemarahan An-Namrud kepada Nabi Ibrahim a.s, (عصا موسى) bukan tongkat Nabi Musa tetapi hujah baginda. (الصيام) puasa ialah menahan diri dari menyebarkan rahsia. (الجناية) jenayah ialah menyebarkan rahsia sebelum seseorang itu mencapai martabat yang membolehkan menyebarkan rahsia, (الغسل) ialah membaharui perjanjian⁶.

Adalah jelas tafsir Al-Quran golongan ini adalah bertujuan untuk merosakkan aqidah dan membatalkan syariat. Tafsiran mereka terhadap Al-Quran semata-mata berdasarkan hawa nafsu dan keinginan hati semata-mata tanpa mengambil kira dan terikat kepada

manhaj dan kaedah tafsir Al-Quran.

Pada masa ini telah lahir gejala-gejala yang menunjukkan pengaruh Batiniah ini telah mula meresapi dan menjalar di dalam masyarakat kita. Sudah ada suara-suara yang menyeru supaya umat Islam tidak mementingkan kaedah dan cara kerana menurut golongan ini bentuk dan kaedah tidak begitu penting jika dibandingkan dengan tujuan.

Menurut Kassim Ahmad:

"Juga Al-Quran mengajar kita supaya jangan mempertikaikan bentuk dan kaedah tidak begitu penting jika dibandingkan dengan tujuan. Apa yang penting ialah kebaikan dan kejujuran untuk melakukan kebaikan."⁶

Saranan seperti ini adalah bersesuaian dan serasi dengan prinsip-prinsip yang diutarakan oleh golongan Batiniah ini, iaitu mentafsir Al-Quran dengan tidak terikat kepada kaedah-kaedah dan manhaj. Meninggalkan dan mengenyahkan makna zahir dan kembali pada makna batin kerana (menurut golongan ini) yang dikehendaki oleh Allah ialah makna yang batin dan bukan yang zahir. Walaupun ini bukan menjadi tujuan Kassim Ahmad.

c. Mentafsir Al-Quran tidak terikat kepada kaedah-kaedah dan manhaj.

Untuk mengelakkan daripada berlakunya pencemaran dan penyelewengan terhadap Al-Quran dan ajaran-ajarannya, maka setiap pentafsir dan penterjemahan tersebut akan menjadi sumber pencemaran dan penyelewengan terhadap Al-Quran.

Sebagai contoh, firman Allah s.w.t:

وَمَا آتَاكُمُ الرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَاكُمْ عَنْهُ فَانْتَهُوا

⁶ Mohd Abdul Azim Az-Zarqani, *Manabil Al'Irfan Fi Ulum Al-Quran*, ms 542.

⁷ Kassim Ahmad, *Hadits Satu Penilaian Semula*, Media Intelek, Malaysia, ms 46.

Ayat ini telah diterjemahkan oleh Kassim Ahmad sebagai berikut

"Apa-apa harta rampasan yang diberi oleh Rasul kepadamu bendaklab kamu terima dan apa yang di tegahnya bendaklab kamu tinggalkan."⁸

Sedangkan terjemah tafsiriahnya ialah

"Dan apa jua perintah yang dibawa oleh Rasulullah kepada kamu maka terimalah serta amalkan. Dan apa jua yang dilarangnya kamu lakukan maka patuhilah larangannya."⁹(Al-Hasyr : 7)

Terjemah Tafsiriah yang diberikan oleh Kasim Ahmad adalah jelas berdasarkan akal fikirannya sahaja tanpa mengambil kira perkataan dalam bahasa asalnya iaitu Bahasa Arab. Bahagian ungkapan ayat ini langsung tidak menyebut tentang harta rampasan, adapun harta rampasan hanya disebut dan diceritakan sebelumnya secara khusus. Penambahan "harta rampasan" di dalam terjemahan ayat ini adalah suatu pencemaran dan penyelewengan. Ianya dilakukan secara berani tanpa segan silu.

Adapun huruf "لَا" di dalam ayat ini adalah memberi makna umum dan bukan khusus. Inilah yang menyebabkan setiap pentafsir dan penterjemah yang berwibawa akan mentafsir dan menterjemah ke arah itu. Sebagai contoh, Tafsir Pimpinan Ar-Rahman telah menterjemahkannya sebagai "apa jua".

Penterjemah ini juga telah tidak mematuhi dan mengikut manhaj dan kaedah tafsir Al-Quran, sebagai contoh, walaupun ayat ini diturunkan khusus berhubung dengan harta "Fai" (فِيء), tetapi sebab penurunannya tidak mengikut dan mengikat lafaznya yang umum.

Kaedah berbunyi:

الْعِبْرَةُ بِعُمُومِ اللَّفْظِ لَا بِخُصُوصِ السَّبَبِ

⁸ Kassim Ahmad, *Hadits Satu Penilaian Semula*, ms 37.

⁹ Jabatan Perdana Menteri, *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman*, Kuala Lumpur, ms 1486.

Yang menghairankan, penterjemah ini, bukan sahaja secara sengaja mengadakan penambahan dan tidak menghormati kaedah dan manhaj, sebaliknya menurut ulama Islam menyelewengkan maksud dan tujuan ayat ini.

Dengan berani dan tegas ia berkata

"Ayat ini kerap disalah tafsirkan dan dipesungkan maknanya oleh ahli Hadits supaya bermaksud : Apa juga perintah yang di bawa oleh Rasul kepada kamu maka terimalah serta amalkan dan apa jua yang dilarangnya kamu lakukan maka patuhilah larangannya."¹⁰

Adalah jelas tuduhan ini tidak berasaskan dan tafsir inilah yang terpesong dan menyeleweng kerana berani menokok tambah sesuatu yang tidak ada, mengkhususkan lafaz yang umum dan mengkhususkan lafaz umum semata-mata berdasarkan sebab penurunannya. Kesalahan-kesalahan di atas dilakukan dengan sengaja.

Untuk lebih jelas, Dr Mohammad Mahmud Hijazi telah mentafsirkan ayat di atas sebagai berikut :

"Wahai orang-orang Islam. *"Apa yang Rasul bawa maka ambillah ia dan apa yang Rasul tegah maka bentikanlah ia dan bertakwalah kepada Allah"*. Inilah dia perlembagaan Islam yang benar yang meliputi segala perintah dan larangan. Maka pernyataan itu berdasarkan keumuman lafaznya bukan disebabkan sebab yang khusus."¹¹

Abdul Karim Al-Khatib pula menulis

"Firman Allah s.w.t yang bermaksud *"Apa yang Rasul bawa maka ambillah ia dan apa yang Rasul*

¹⁰ Kassim Ahmad, *Hadits Satu Penilaian Semula*, ms 58.

¹¹ Dr. Muhammad Mahmud Hijazi, *At-Tafsir Al-Wadib*, Mesir, jld 28, ms 18.



tegah maka tinggalkan" merupakan pemalingan terhadap orang-orang beriman pada apa yang wajib bagi mereka dari pemberian wala' dan ketaatan kepada Rasul, penerimaan dan redha dengan setiap apa yang Nabi hukumkan di kalangan orang-orang beriman. Khususnya mereka sedang menghadapi fitnah dari harta yang Allah kurniakan di tangan Rasul. Di sana banyak mata-mata yang menoleh melihat pada harta ini dan hati-hati yang memaling padanya. Sedangkan tidak akan terselamat seorang muslim dari fitnah ini kecuali dengan iman yang kuat dan keredhaan terhadap apa yang Rasul putuskan. Apa yang Rasul bawa maka ambillah dan apa yang Rasul tegah maka tinggalkanlah, ini adalah hak Rasul ke atas orang-orang beriman - patuh dan taat tanpa berpaling, teragak-agak atau ragu-ragu.¹²

Menurut Ibnu Katsir :

"Apa yang Rasul perintah maka laksanakanlah dan apa yang Rasul larang maka jauhilah. Sesungguhnya ia menyuruh pada kebaikan dan mencegah dari kejahatan."

Seperti yang dimaklumi di dalam usaha mengistinbat hukum dari Al-Quran maka hendaklah kita berpegang dan terikat dengan kaedah dan manhaj. Di antara kaedah tafsir ialah :

الْعِبْرَةُ بِعُمُومِ اللَّفْظِ لَا بِخُصُوصِ السَّبَبِ

"Yang diambil kira dan iktibar ialah lafaz yang umum dan bukan sebab yang khusus."

Ini bermakna, ayat-ayat Al-Quran, walaupun diturunkan oleh Allah s.w.t berdasarkan Asbabun Nuzul (أسباب النزول) seperti untuk

¹² Abdul Karim Al-Khatib, *At-Tafsir Al-Qurani Li Al-Quran*, Dar Al-Fikr Al'Arabi, Kaherah, jld 28, ms 859.

menjawab soalan yang dikemukakan kepada baginda Rasulullah s.a.w atau menyelesaikan masalah yang sedang dihadapi oleh baginda, maka jawapan itu bukan semata-mata merupakan jawapan dan penyelesaian kepada masalah pada masa itu sahaja atau terhad kepada persoalan dan sebab ianya diturunkan sahaja, tetapi ianya hendaklah dijadikan sebagai jawapan dan penyelesaian kepada masalah sama jika berlaku dimasa-masa hadapan dan ditempat lain, kerana yang diambil kira dan iktibar dari Al-Quran ialah kehendak lafaz yang umum dan bukan sebab yang khusus.

Walapun tidak dinafikan bahawa *Asbab An-Nuzul* (sebab turun ayat) adalah penting dipelajari supaya dapat membantu memahami hukum-hukum Al-Quran.

Untuk penjelasan lanjut, sebab turunnya ayat *Az-Zibar* (الظهار) ialah Salamah bin Sakhr (سلمة بن صخر), ayat *Al-Lian* (اللعان) ialah Hilal bin Umaiyyah, ayat *Hudud* berhubung dengan tuduhan zina ialah Aishah, ayat *Hudud* berhubung dengan hukuman mencuri ialah kerana seorang wanita yang telah mencuri, ayat *Al-Kalalah* (الكلاله) diturunkan ialah kerana Jabir bin Abdullah.

Adalah jelas bahawa hukum *Zibar*, *Li'an Had Qazf*, *Had Mencuri* dan hukum *Al-Kalalah* adalah wajib dilaksanakan pada zaman baginda s.a.w ke atas yang terlibat dan juga kepada yang lain di zaman dan selepas zaman baginda s.a.w. Berdasarkan kaedah yang tersebut di atas tadi, Sahabat baginda s.a.w adalah merupakan generasi umat Islam yang pertama mengamalkan kaedah ini. Ini adalah merupakan dalil kehujahannya.

Jika berlaku pentafsiran terhadap Al-Quran tanpa mengikut kaedah dan Manhaj ini bererti mencemar dan menyelewengkan Al-Quran dan ajaran-ajarannya sebagai natijah akan merosakkan kaedah dan membatalkan syariatnya.

- d. Beberapa contoh penterjemahan dan pentafsiran yang tidak mengikut kaedah dan manhaj.

Di bawah ini diperturunkan beberapa contoh penterjemahan dan pentafsiran ayat-ayat Al-Quran yang tidak mengikut kaedah dan

manhaj tafsir Al-Quran yang wajib diikuti, malahan kadangkala terdapat terjemahan dan tafsiran yang langsung lari dan jauh menyimpang dari makna dan maksud asalnya.

1. Firman Allah s.w.t:

فَلَا تَخْشَوُا النَّاسَ وَآخِشُونَ وَلَا تَشْتَرُوا بِآيَاتِي ثَمَنًا قَلِيلًا وَمَنْ لَمْ يَحْكَمْ
بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ فَأُولَئِكَ هُمُ الْكَافِرُونَ

Telah diterjemah seperti berikut :

"Oleh yang demikian janganlah kamu takut kepada rakyat, tetapi takutlah Aku, dan jangan memperdagangkan kitab-Ku untuk mendapat sedikit keuntungan material.¹³"

Sedangkan terjemah tafsiriyahnya

"Oleh itu janganlah kamu takut kepada manusia tetapi hendaklah kamu takut kepada-Ku, dan jangan kamu menjual ayat-ayat-Ku dengan barga yang sedikit."¹⁴ (Al-Maidab : 44)

Alangkah jauhnya penyelewengan dan hebatnya pencemaran terhadap Al-Quran apabila terjemahan perkataan-perkataan (الناس) sebagai rakyat, sedangkan makna sebenarnya ialah manusia. Tentulah berbeza di antara manusia dengan rakyat.

(آيَاتِي) sebagai - kitab-Ku, sedangkan makna yang sebenar ialah ayat-ayatKu. Tentulah berbeza di antara kitab dengan ayat.

(ثَمَنًا قَلِيلًا) sebagai sedikit keuntungan sedangkan makna yang sebenar ialah, dengan harga yang sedikit. Tentulah berbeza di antara untung yang sedikit dengan harga yang sedikit.

2. Firman Allah s.w.t:

وَلَا تَقْفُ مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ إِنَّ السَّمْعَ وَالْبَصَرَ وَالْفُؤَادَ كُلُّ
أُولَئِكَ كَانَ عَنْهُ مَسْئُولًا

¹³ Kassim Ahmad, *Hadits Satu Penilaian Semula*, ms 10.

¹⁴ Jabatan Perdana Menteri, *Tafsir Pimpinan Ar-Rabman*, ms 260.

Telah diterjemah tafsiriyabkan seperti berikut :

"Jangan terima apa-apa yang kamu sendiri tidak dapat memastikan, kamu diberi pendengaran, penglibatan dan akal supaya kamu memeriksa dan mengesahkan."¹⁵

Sedangkan terjemah tafsiriyab ialah :

"Dan jangan engkau mengikut apa yang engkau tidak mempunyai pengetahuan mengenainya, sesungguhnya pendengaran dan penglibatan serta bati, semua anggota-anggota itu akan ditanya tentang apa yang dilakukannya."¹⁶ (Al-Isra' : 36)

Alangkah jauhnya penyelewengan dan hebatnya pencemaran terhadap Al-Quran apabila terjemahan perkataan :

(كُلُّ أُولَئِكَ كَانَ عَنْهُ مَسْئُولًا) sebagai "supaya kamu memeriksa mengesahkan." Sedangkan makna yang sebenar ialah "semua anggota-anggota itu akan ditanya tentang apa yang dilakukannya."

Di dalam ayat tersebut Allah menegaskan bahawa pendengaran, penglihatan dan hati semuanya akan ditanya. Ayat ini bukan hanya menekankan tentang anggota-anggota tadi bertugas memeriksa dan mengesahkan sahaja tetapi lebih jauh dan penting dari itu iaitu semuanya bertanggungjawab dan akan ditanya kemudian hari nanti.

3. Firman Allah s.w.t:

وَمَا كَانَ صَلَاتُهُمْ عِنْدَ الْبَيْتِ إِلَّا مُكَاءً وَتَصَدِيَةً

Telah diterjemah tafsiriyabkan seperti berikut :

"Solat mereka di rumah suci tidak lain dari penipuan dan kesesatan."¹⁷

¹⁵ Kassim Ahmad, *Hadits Satu Penilaian Semula*, ms 26.

¹⁶ Jabatan Perdana Menteri, *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman*, ms 685.

¹⁷ Kassim Ahmad, *Hadits Satu Penilaian Semula*, ms 45.

Sedangkan terjemah tafsiriyabnya ialah :

"Dan tiadalah "Solat" (sembahyang) mereka di sisi Baitullah itu melainkan bersiul-siul dan bertepuk tangan.¹⁸" (Al-Anfal : 35)

Adalah jelas bahawa Terjemah Tafsiriyab pertama adalah merupakan satu pencemaran, malahan penyelewengan yang disengajakan dengan maksud dan tujuan hanya diketahui hakikatnya oleh penterjemahannya sahaja kerana perkataan :

(مُكَاءٌ) telah diterjemahkan sebagai kesesatan sedangkan ianya bermakna siulan-siulan.

Di dalam bahasa Arab dikatakan (مُكَاءٌ أَيْ صَفِيرًا)

Tasdhiah (تَصْدِيَةٌ) telah diterjemahkan sebagai kesesatan sedangkan ianya bermakna bertepuk tangan. Di dalam Bahasa Arab dikatakan (تَصْدِيَةٌ أَيْ تَصْفِيفًا)

4. Firman Allah s.w.t:

Telah diterjemah tafsiriahkan seperti berikut

"Mereka mengikuti patong-patong yang menentukan bagi mereka undang-undang yang tidak pernah dilulus oleh Tuhan.¹⁹"

Sedangkan terjemah tafsiriyab ialah

أَمْ لَهُمْ شُرَكَاءُ شَرَعُوا لَهُمْ مِنَ الدِّينِ مَا لَمْ يَأْذَنْ بِهِ اللَّهُ

"Patutkah mereka mempunyai sekutu-kutu yang menentukan (mana-mana bahagian dari ugama mereka) sebarang undang-undang yang tidak diizinkan oleh Allah.²⁰" (Asy-Syura : 21)

¹⁸ Jabatan Perdana Menteri, Tafsir Pimpinan Ar-Rahman, ms 410.

¹⁹ Kassim Ahmad, Hadits Satu Penilaian Semula, ms 56.

²⁰ Jabatan Perdana Menteri, Tafsir Pimpinan Ar-Rahman, ms 1289.

Jika diperhatikan kedua-dua terjemah tafsiriah ini adalah jelas perbezaannya. Di dalam *Terjemah Tafsiriyah* pertama telah digunakan perkataan *patung-patung* sedangkan tidak terdapat di dalam ayat tadi perkataan *patung-patung* perkataan patung atau perkataan yang memberi makna patung. Yang disebutkan oleh ayat ini ialah (شُرَكَاءُ) - bermakna -sekutu dan bukan patung. Sedangkan perkataan sekutu lebih umum dari patung.

Ayat di atas juga menggunakan "Uslub Istifham" iaitu ayat yang berbunyi (أَمْ لَهُمْ شُرَكَاءُ) yang bermaksud "Patutkah mereka mempunyai sekutu".

Dengan ini, adalah tidak wajar untuk menterjemahkan sebagai *mereka mengikut patung*. Tanpa mengambil kira *Uslub Istifham*.

5. Firman Allah s.w.t:

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءٰمَنُوْا لَا تَسْـَٔلُوْا عَنۡ اَشْيَآءٍ اِنْ تُبَدَّلْكُمْ تَسْـَٔلُوْكُمْ وَاِنْ تَسْـَٔلُوْا
عَنْهَا حِيْنَ يُنَزَّلَ الْفَرْءُ اَنْ تُبَدَّلْكُمْ عَفَا اللّٰهُ عَنْهَا وَاللّٰهُ غَفُوْرٌ حَلِيْمٌ

Telah diterjemah tafsiriyabkan seperti berikut :

"Wahai kaum yang beriman, janganlah bertanya mengenai perkara-perkara yang jika diwahyukan kepada kamu akan menyusahkan kamu, jika kamu menimbangkan dari segi Al-Quran kamu akan sedar bahawa Tuhan meninggalkannya untuk menyenangkan kamu Tuhan pemaaf penimbang rasa."²¹

Sedangkan terjemah tafsiriyabnya ialah:

"Wabai orang-orang yang beriman janganlah kamu bertanyakan (kepada Nabi) perkara-perkara jika diterangkan kepada kamu akan menyusahkan kamu, dan jika kamu bertanya mengenainya ketika di turunkan Al-Quran tentulah akan diterangkan kepada kamu, Allah maafkan dari perkara-perkara itu, kerana Allah Maha Pengampun Lagi Maha Penyantun."²² (Al-Maidah : 101)

²¹ Kassim Ahmad, *Hadits Satu Pentilaian Semula*, ms 54.

²² Jabatan Perdana Menteri, *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman*, ms 278.

Jika di perhatikan terjemah pertama dan di bandingkan dengan terjemahan kedua adalah jauh berbeza, berdasarkan makna dan maksud bahasa asalnya, iaitu Bahasa Arab adalah jelas yang terjemahan pertama tadi menyimpang lari dan menyeleweng dari maksud Al-Quran dan ianya adalah dengan jelas menunjukkan bahawa penterjemah berusaha keras untuk mencemarkan Al-Quran.

Ini dapat di buktikan seperti berikut :

(يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا)

Sebagai wabai kamu yang beriman, sedangkan ianya bermakna Wabai orang-orang yang beriman. Tentulah berbeza di antara Wabai kamu yang beriman dengan Wabai orang-orang yang beriman dari segi makna dan balaghahnya (بلاغة).

(لَا تَسْأَلُونَنَا عَنْ أَسْيَاءٍ إِن يُبَدِّلَكُمْ تَسْؤُكُمْ)

Diterjemahkan sebagai Janganlah bertanya makna mengenai perkara-perkara jika diwahyukan kepada kamu akan menyusahkan kamu.

Sedangkan ianya bermakna Janganlah kamu bertanya (kepada Nabi) perkara-perkara yang jika diterangkan kepada kamu akan menyusahkan kamu.

Perkataan (تُبَدِّلُكُمْ) telah diterjemahkan sebagai Jika diwahyukan kepada kamu sedangkan makna sebenarnya ialah - jika diterangkan kepada kamu.

(وَإِنْ تَسْأَلُونَاهُمْ حِينَ يَنْزِلُ الْقُرْآنُ يُبَدِّلُكُمْ)

Diterjemahkan sebagai Jika kamu menimbangkannya dari segi Al-Quran kamu akan sedar bahawa Tuhan meninggalkannya untuk menyenangkan kamu.

Sedangkan ianya bermakna dan jika kamu bertanya mengenainya ketika diturunkan Al-Quran tentulah akan diterangkan kepada kamu.

Jika diperhatikan dengan teliti, kita merasa hairan dari mana datangnya ungkapan yang berbunyi Jika kamu menimbangkan dari segi Al-Quran, kamu akan sedar bahawa Tuhan meninggalkannya untuk

menyenangkan kamu. Sedangkan ungkapan ini langsung tidak pernah disebut oleh ayat Al-Quran ini.

Terjemahan seperti ini adalah bukan merupakan terjemahan kerana ianya tidak menterjemahkan maksud dan makna perkataan asalnya di samping ianya tidak menggambarkan maksud dan tujuan ayat tersebut.

Malahan ianya lebih merupakan mentakwilkan ayat Al-Quran supaya sesuai dengan kehendak dan keinginan penterjemahannya. Adalah jelas bahawa, setiap pentafsiran dan penterjemahan ayat-ayat Al-Quran yang tidak mengikut kaedah dan tidak terikat kepada manhaj tafsir Al-Quran akan menyebabkan pencemaran dan penyelewengan terhadap Al-Quran dan ajarannya.

6. Pencemaran Dan Penyelewengan Terhadap Hukum-Hukum Al-Quran

Al-Quran adalah sumber utama dan asasi bagi hukum perundangan falsafah, pendidikan, kebudayaan dan ilmu pengetahuan Islam. Hukum-hukum yang telah terkandung di dalam Al-Quran adalah menyeluruh dan "*syamil*" (شامل) ianya bersifat umum dan merupakan hukum-hukum prinsip dan dasar. Kalaupun ianya bersifat umum dan merupakan hukum-hukum yang detail dan terperinci bilangannya amat sedikit.

Al-Quran telah menggariskan hukum-hukum prinsip dan dasar di dalam semua bidang kehidupan dan kegiatan umat manusia:

- ❶ Hukum-hukum prinsip yang berhubung dengan ketuhanan, aqidah dan iman.
- ❷ Hukum-hukum prinsip yang berhubung dengan akhlaq dan ihsan.
- ❸ Hukum-hukum prinsip berhubung perundangan yang mencakup ibadat umum dan khusus.
- ❹ Yang berhubung dengan ibadat khusus seperti puasa, haji, zakat dan sembahyang, lebih kurang 140 ayat.



- ❁ Prinsip undang-undang keluarga, lebih kurang 70 ayat.
- ❁ Prinsip undang-undang sivil, lebih kurang 70 ayat.
- ❁ Prinsip undang-undang jenayah, lebih kurang 30 ayat.
- ❁ Prinsip undang-undang keadilan dan mahkamah, lebih kurang 13 ayat.
- ❁ Prinsip undang-undang perlembagaan dan ketatanegaraan lebih kurang 10 ayat.
- ❁ Prinsip undang-undang antarabangsa lebih kurang 25 ayat.
- ❁ Prinsip undang-undang harta dan siasah iktisad lebih kurang 10 ayat.

Adalah menjadi kewajipan bagi setiap muslim, secara individu, masyarakat, negara, rakyat dan pemerintah percaya dan beriman sepenuhnya tanpa ragu-ragu terhadap keunggulan hukum-hukum Al-Quran untuk dilaksanakan dan dihormati di setiap tempat dan masa bagi semua lapisan umat manusia tanpa mengira agama, bangsa dan bahasa.

Undang-undang Islam adalah berasaskan aqidah dan akhlaq. Tidak sempurna Islam seseorang itu melainkan setelah ianya menerima aqidah, akhlaq dan undang-undang Islam tanpa ragu.

Telah wujud pencemaran dan penyelewengan terhadap hukum-hukum Al-Quran di dalam berbagai bentuk dan cara. Ada yang memperkecilkan kemampuan undang-undang Islam. Ada yang tidak yakin terhadap kesesuaiannya untuk zaman ini dan untuk masyarakat moden.

Mereka tidak menaruh kepercayaan terhadap kemampuan hukum-hukum Al-Quran untuk menyelesaikan masalah-masalah umat manusia, masyarakat dan negara. Ada yang cuba memberikan tafsiran terhadap hukum-hukum Al-Quran semata-mata berdasarkan keyakinan hawa nafsu dan untuk memenuhi selera mereka.

Disamping itu ada pula yang hanya menerima sebahagian dari ajaran dan hukum Al-Quran dan menolak sebahagian yang lain. Ada pula yang hanya mementingkan hukum-hukum yang berhubung dengan ibadat khusus dan melupakan aspek lain. Mereka tidak berkeyakinan untuk menjadikan undang-undang Islam sebagai undang-undang negara.

Pencemaran dan penyelewengan di dalam Aqidah juga telah berlaku. Ada di antara umat Islam yang taat kepada perintah manusia sehingga sanggup melanggar perintah Allah s.w.t. Mengagungkan manusia sehingga Allah s.w.t menjadi kerdil. Cinta kepada dunia lebih dari cinta kepada akhirat. Menjual agama Allah s.w.t dengan harga yang sedikit. Malahan syirik Khafi sudah dianggap sebagai perkara yang remeh-temeh.

Pencemaran dan penyelewengan di dalam akhlaq juga sudah merebak. Keruntuhan akhlaq menjadi-jadi. Nilai akhlaq yang murni sudah tidak menjadi panduan hidup kaum muslimin. Malahan ada yang mempersamakan di antara nilai akhlaq dan moral. Sedangkan akhlaq bersumberkan wahyu dan moral adalah nilai yang dilahirkan oleh masyarakat dan diterima sebagai suatu perkara yang baik kerana ianya diterima oleh masyarakat. Nilai akhlaq yang mutlak telah ditinggalkan. Baik dan buruk diukur berdasarkan keuntungan duniawi walaupun semuanya ini bertentangan dengan akhlaq Al-Quran.

Adalah jelas bahawa pencemaran dan penyelewengan terhadap hukum-hukum Al-Quran adalah semakin merebak dan menakutkan. Walaupun demikian kita percaya Al-Quran akan tetap terjaga dan terjamin kesuciannya. Setiap penyelewengan ini akan terdedah dan terbongkar malahan akan terhapus kerana setiap kebatilan tidak akan kekal. Ianya akan terhapus dan berlalu. Dihapus dan ditenggelamkan oleh hak dan kebenaran.

Telah lahir gejala-gejala yang sihat, yang menunjukkan bahawa Islam akan bangkit semula. Umat Islam telah mula menuntut dengan berani dan lantang akan hak mereka untuk menghayati Islam sepenuhnya jangan dihalang. Usaha mereka untuk kembali kepada ajaran dan hukum-hukum Al-Quran jangan disekat. Ini menunjukkan petanda yang sihat dan baik. Ianya lahir bukan dari semangat semata-

mata tetapi ianya lahir dari kesedaran dan keinsafan disamping dorongan semangat yang berasaskan ilmu pengetahuan. Faktor yang menyebabkan Al-Quran bersih dari sebarang pencemaran dan penyelewengan.

Sejarah dan kenyataan telah membuktikan bahawa Al-Quran ialah satu-satunya kitab suci yang bersih dari segala bentuk pencemaran dan penyelewengan. Keasliannya tidak tercemar, kesuciannya tidak ternoda, kesihatannya tidak boleh dipertikai dan kewibawaannya tidak boleh dicabar. Ini disebabkan oleh beberapa faktor yang terpenting ialah :

- a. Jaminan dan penjagaan Allah s.w.t.
- b. Usaha dan tindakan yang berkesan yang diambil oleh baginda Rasulullah s.a.w yang kemudiannya diikuti oleh para sahabat dan ulama' hinggalah ke hari ini.

Jaminan dan penjagaan Allah s.w.t secara langsung terhadap Al-Quran, ini dapatlah difahami dan dimaklumi berdasarkan ketegasan yang telah diberikan oleh Allah s.w.t di dalam Al-Quran di dalam beberapa ayat.

Ketegasan Allah ini telah diberikan dalam berbagai bentuk dan cara. Ada yang secara langsung dan terus terang. Ada yang secara tidak langsung tetapi ianya dapat difahami melalui kesimpulan dan keseluruhan maksudnya. Di antara ayat-ayat tersebut ialah firman Allah s.w.t:

إِنَّا خَلَقْنَاهُ نَزْلًا ذِكْرًا وَإِنَّا لَهُ لَنَافِظُونَ

"Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan Al-Quran dan kamilah yang memelihara dan menjaganya" (Al-Hijr : 9)

Di dalam ayat yang lain, Allah menegaskan bahawa Al-Quran ini tidak akan dapat di cemar dan di selewengkan atau di datangi oleh sebuah kebatilan. Firman Allah s.w.t :

إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا بِالذِّكْرِ لَمَّا جَاءَهُمْ وَإِنَّهُ لَكِتَابٌ عَزِيزٌ لَا يَأْتِيهِ الْبُطْلُ
مِنْ بَيْنِ يَدَيْهِ وَلَا مِنْ خَلْفِهِ تَنْزِيلٌ مِنْ حَكِيمٍ حَمِيدٍ

"Sedang Al-Quran itu, demi sesungguhnya sebuah kitab suci yang tidak dapat di tandingi, yang tidak dapat didatangi sebarang kepalsuan dari mana arab dan segi ia diturunkan dari Tuhan yang Maha Bijaksana lagi maha Terpuji"(Fussilat : 41 - 42)

Al-Quran adalah sebuah kitab suci yang unggul dan agung dan tidak boleh ditukar ganti atau ditandingi. Firman Allah s.w.t :

وَرَزَّلْنَا عَلَيْكَ الْكِتَابَ تَتِيئًا لِّكُلِّ شَيْءٍ وَهَدًى وَرَحْمَةً وَبُشْرَىٰ لِلْمُسْلِمِينَ

"Kami turunkan kepadamu Al-Quran, menjelaskan tiap-tiap sesuatu dan menjadi bidayat petunjuk serta membawa rahmat dan berita yang mengembirakan bagi orang-orang Islam." (An-Nabl : 89)

Firman Allah s.w.t :

لَا تَبْدِيلَ لِكَلِمَاتِ اللَّهِ ذَٰلِكَ هُوَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ

"Tidak ada sebarang perubahan pada kalimah-kalimah Allah yang demikian itulah kejayaan yang besar." (Yunus : 64)

Di dalam ayat yang lain, Allah s.w.t berfirman:

وَمَا تَكُونُ فِي شَأٍنٍ وَمَا تَنْتَلُوا مِنْهُ مِنْ قُرْءَانٍ وَلَا تَعْمَلُونَ مِنْ عَمَلٍ إِلَّا كُنَّا عَلَيْكُمْ شُهُودًا إِذْ تُفِيضُونَ فِيهِ

"Dan tidaklah engkau (wahai Mubammad) dalam menjalankan sesuatu urusan, dan tidak engkau dalam membaca sesuatu dari al-Qur'an dan tidaklah kamu (wahai umat manusia) dalam mengerjakan sesuatu usaha melainkan Kami menjadi saksi terhadap kamu." (Yunus : 61)

Di dalam ayat yang lain, Allah s.w.t berfirman:

وَمَا كَانَ هَٰذَا الْقُرْءَانُ أَنْ يُفْتَرَىٰ مِنْ دُونِ اللَّهِ وَلَكِنْ تَصْدِيقَ الَّذِي بَيْنَ يَدَيْهِ وَتَفْصِيلَ الْكِتَابِ لَا رَيْبَ فِيهِ مِنْ رَبِّ الْعَالَمِينَ

"Dan bukanlah Al-Quran ini sesuatu yang boleh diada-adakan oleh yang lain dari Allah tetapi Al-Quran itu diturunkan oleh Allah untuk membenarkan kitab-kitab yang diturunkan sebelumnya, dan untuk menjelaskan satu persatu bukum-bukum syarak yang diwajibkan (atas kamu) tidak ada sebarang syak dan ragu-ragu pada Al-Quran itu tentang datangnya dari Allah, Tuhan Yang mencipta dan mentadbirkan sekalian alam ." (Yunus : 37)

Di dalam ayat yang lain Allah berfirman:

وَإِذَا تُتْلَىٰ عَلَيْهِمْ آيَاتُنَا بَيِّنَاتٌ قَالَ الَّذِينَ لَا يَرْجُونَ لِقَاءَنَا أَتَىٰ بِكُمُ الْقُرْآنُ أَن تَتْلُوا عَلَيْهِمْ آيَاتِنَا وَلَكِنَّا نَحْنُ مُخْلِصُونَ لَهُم مَّا يَشَاءُونَ لِيُحْكَمَ عَلَيْهِمْ وَأَخْرَجُوا مِنْ دُونِ الصُّلَىٰ ۚ
وَأَن يَدُلُّهُ قُلُوبُهُمْ وَأَن يُخَالِفُ بِمَا جَاءَهُمُ مِنَ الْآيَاتِ لَوِ اتَّبَعَ الْإِنسَانُ أَهْوَاءَ شَهْوَاهِهِ ۚ إِنَّ إِلَىٰ فِتْنَةِ اللَّهِ عَذَابَ عَظِيمٍ

"Dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayat kami yang jelas dan nyata, berkatalah orang-orang yang tidak menaruh ingatan menemui kami, (untuk menerima balasan) "Bawalah Al-Quran yang lain daripada ini, atau tukarkanlah dia" katakanlah (wahi Muhammad) "Aku tidak berbak menemukannya dengan kemahuan ku sendiri, aku hanya tetap menurut apa yang telah diwahyukan kepadaku sabaja, sesungguhnya aku takut - jika aku menderbaka kepada Tubanku akan azab hari yang besar." (Yunus : 15)

Allah s.w.t telah mencabar jin dan manusia supaya mereka menghasilkan sebuah kitab yang boleh menandingi Al-Quran dan mencabar keunggulannya dari semua aspek dan dari segi keindahan bahasa, isi kandungan dan perutusannya dan seterusnya.

Firman Allah s.w.t

قُلْ لِّئِنِ اجْتَمَعَتِ الْإِنسُ وَالْجِنُّ عَلَىٰ أَن يَأْتُوا بِمِثْلِ هَٰذَا الْقُرْآنِ لَا يَأْتُونَ بِمِثْلِهِ ۚ وَلَوْ كَانَتْ بَعْضُهُمْ لِبَعْضٍ ظَهِيرًا

"Katakanlah (wahi Muhammad) sesungguhnya jika sekalian manusia dan jin berbimpun dengan tujuan hendak membuat dan mendatangkan (karya) sebanding dengan Al-Quran ini, nescaya mereka tidak akan dapat membuat yang sebanding dengannya, walaupun mereka bantu-membantu sesama sendiri." (Al-Isra' : 88)

Oleh kerana jin dan manusia gagal untuk menyahut cabaran Allah ini, maka Allah telah mencabar mereka sekali lagi supaya menghasilkan sebuah karya yang boleh menandingi sepuluh buah surah di dalam Al-Quran walaupun mereka gagal menghasilkan yang setanding namun yang hampir setanding pun memadai, walaupun demikian tetap gagal.

Firman Allah s.w.t

أَمْ يَقُولُونَ افْتَرَاهُ قُلْ فَأْتُوا بِعَشْرِ سُوْرٍ مِّثْلِهِ مُفْتَرِيَاتٍ ۖ وَادْعُوا مَنِ اسْتَطَعْتُمْ مِنْ دُونِ اللَّهِ إِن كُنْتُمْ صَادِقِينَ

"Katakanlah (wahai Muhammad) (jika demikian tuduhan kamu) maka cubalah buat serta datangkan sepuluh surah rekaan yang sebanding dengan Al-Quran, dan panggillah sesiapa sahaja yang kamu sanggup memanggilnya yang lain dari Allah (untuk menyaksikan dan menghasilkan) jika kamu betul orang-orang yang benar." (Hud : 13)

Oleh kerana kegagalan jin dan manusia untuk menyahut cabaran Allah yang kedua ini, maka Allah seterusnya mencabar supaya jin dan manusia menghasilkan karya yang dapat menandingi Al-Quran atau sepuluh surah tetapi jika mereka benar di dalam dakwaan mereka, cukuplah dengan menghasilkan sebuah surah yang terpendek yang boleh menandingi sependek-pendek surah di dalam Al-Quran.

Firman Allah s.w.t

وَإِنْ كُنْتُمْ فِي رَيْبٍ مِّمَّا نَزَّلْنَا عَلَىٰ عَبْدِنَا فَأْتُوا بِسُورَةٍ مِّثْلِهِ وَادْعُوا شُهَدَاءَكُمْ مِنْ دُونِ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ

"Dan kalau kamu menaruh syak tentang apa yang kamu turunkan (Al-Quran) kepada hamba Kami (Muhammad) maka cubalah buat dan datangkanlah satu surah yang sebanding dengan Al-Quran itu, dan panggillah orang-orang yang sama percaya boleh menolong kamu selain dari Allah jika kamu orang-orang yang benar." (Al-Baqarah : 23)

Dalam masa yang sama, Allah s.w.t telah memerintahkan supaya kita berpegang teguh kepada Al-Quran dan hukum-hukum-Nya, ianya hendaklah dihayati dan dilaksanakan sepenuhnya.

Firman Allah s.w.t :

اتَّبِعُوا مَا أَنزَلَ إِلَيْنَا مِنَ الْكِتَابِ وَلَا تَتَّبِعُوا مِنْ دُونِهِ أَوْلِيَاءَ قَلِيلًا مَّا تَذَكَّرُونَ

"Ikutilah semua bukm yang telah diturunkan kepada mu oleh Tuhan kamu dan jangan ikut pimpinan selain dari Allah, tetapi sedikit sekali diantara kamu yang mengambil ingatan." (Al-A'araf : 3)

Firman Allah s.w.t:

أَفَحُكْمَ الْجَاهِلِيَّةِ يَبْتَغُونَ وَمَنْ أَحْسَنُ مِنَ اللَّهِ حُكْمًا لِقَوْمٍ يُوقِنُونَ

"Sesudah itu, patutkah mereka berkehendak lagi kepada bukm jabiliab pada hal - kepada orang-orang yang penuh keyakinan - tiada sesiapa yang boleh

membuat bujuk yang lebih dari Allah." (Al-Maidah : 50)

Di dalam beberapa ayat yang lain, Allah telah mencela golongan yang tidak melaksanakan hukum-hukum yang diturunkan dan mensifatkan mereka ini sebagai kafir, zalim dan fasik.

Firman Allah s.w.t:

وَمَنْ لَّمْ يَحْكَمْ بِمَا أَنزَلَ اللَّهُ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْكَافِرُونَ

"Dan sesiapa yang tidak mengbukum dengan apa yang telah diturunkan dari Allah (kerana mengingkarinya) maka mereka itulah orang-orang yang kafir." (Al-Maidah : 44)

Di dalam ayat yang lain pula Allah mensifatkan mereka sebagai zalim

وَمَنْ لَّمْ يَحْكَمْ بِمَا أَنزَلَ اللَّهُ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ

"Dan sesiapa yang tidak mengbukum dengan apa yang tidak diturunkan oleh Allah maka mereka itulah orang-orang yang zalim." (Al-Maidah : 45)

Di dalam ayat yang lain pula Allah mensifatkan mereka sebagai fasik.

Firman Allah s.w.t:

وَلَيْسَ لَهُمْ أَهْلٌ إِلَّا يَبْحِلُ بِمَا أَنزَلَ اللَّهُ فِيهِ وَمَنْ لَّمْ يَحْكَمْ بِمَا أَنزَلَ اللَّهُ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْفَاسِقُونَ

"Dan sesiapa yang tidak mengbukum dengan apa yang telah diturunkan oleh Allah maka mereka itulah orang-orang yang fasik". (Al-Maidah : 47)

Dari ketiga-tiga ayat ini, adalah jelas bahawa tidak melaksanakan hukum-hukum yang diturunkan oleh Allah s.w.t akan mengakibatkan termasuk ke dalam golongan kafir, zalim dan fasik. Menurut Ibn Abas, jika keengganan melaksanakan hukum-hukum yang diturunkan oleh Allah s.w.t itu kerana keingkarannya maka ianya membawa kepada kekufuran dan jika ianya mengakui kebenaran hukum-hukum yang diturunkan oleh Allah s.w.t tetapi tidak menghukum dengannya maka ianya adalah zalim dan fasik.

Walau bagaimanapun, menurut Asy-Sya'bi, jika tidak menghukum berdasarkan apa yang diturunkan oleh Allah s.w.t, bagi kaum

muslimin adalah kafir, bagi kaum Yahudi adalah zalim dan bagi kaum Nasrani adalah fasik. Di dalam ayat yang lain, Allah s.w.t telah mencela golongan yang beriman yang menerima sebahagian hukum-hukum Allah dan menolak sebahagian yang lain.

Firman Allah s.w.t:

أَفْتُمُونَنَّا بِبَعْضِ الْكِتَابِ وَتَكْفُرُونَ بِبَعْضٍ فَمَا جَزَاءُ مَنْ يَفْعَلُ
ذَلِكَ مِنْكُمْ إِلَّا خِزْيٌ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَيَوْمَ الْقِيَامَةِ يُرَدُّونَ إِلَيْنَا أَسْدِلُ الْعَذَابِ

"Maka patutlah kamu hanya percaya kepada sebahagian (dari isi) Al-Kitab dan mengingkari akan sebahagian yang lain, maka tiadalah balasan bagi orang yang berpuak demikian itu diantara kamu selain dari kebinaan ketika hidup di dunia dan pada hari kiamat akan ditolak mereka itu ke dalam azab siksa yang berat." (Al-Baqarah : 85)

- b. Usaha dan tindakan yang berkesan yang diambil oleh baginda Rasulullah s.a.w para sahabat dan ulama.

Untuk menjamin agar Al-Quran tidak akan tercemar dan diselewengkan dan supaya keaslian, kesucian, kesahihan dan kewibawaannya dapat dipertahankan dan terus dikekalkan, maka Baginda s.a.w dan kemudiannya dituruti oleh para sahabat dan ulama Islam telah mengambil langkah-langkah yang berkesan untuk tujuan tersebut di atas. Di antara langkah yang diambil oleh baginda s.a.w ialah mencatat dan merekodkan ayat-ayat yang diturunkan kepada baginda melalui dua cara, iaitu

- a. (الْجَمْعُ فِي الصُّدُورِ أَوْ ضَبْطُ الصُّدُورِ) iaitu melalui hafalan.

Apabila Baginda s.a.w menerima wahyu daripada Jibril, maka Baginda pun mengajarkan kepada sahabat-sahabat dengan itu sahabat-sahabat akan menghafalnya. Semasa Baginda s.a.w wafat bilangan sahabat yang hafal seluruh Al-Quran adalah terlalu banyak sehingga tidak dapat dipastikan bilangan mereka. Sebagai contoh betapa banyaknya bilangan yang hafal Al-Quran ialah, apabila berlaku peperangan Yamamah, bilangan yang hafal Al-Quran terkorban ialah 70 orang.

Semasa peperangan Bi'ru-Ma'unah (بئر معونة) pula yang hafal Al-Quran terkorban ialah 70 orang. Sahabat-sahabat yang hafal Al-

Quran ini pula memperturunkan dan mengajarkan hafalan mereka itu kepada generasi selepas mereka dan demikianlah seterusnya. Tentulah bilangan yang hafal Al-Quran ini berlipat ganda dari semasa ke semasa. Apa yang kita saksikan hari ini ialah, kaum muslimin yang hafal Al-Quran diseluruh dunia meningkat bilangannya kepada beratus ribu walaupun tidak berjuta.

Sistem hafalan ini adalah suatu cara yang paling berkesan di dalam usaha menjaga keaslian dan kesahihan Al-Quran. Melalui sistem ini, setiap yang hafal dengan sendirinya akan menjadi pengawas kepada Al-Quran yang bercetak dan bertugas sebagai pembaca dan peneliti Al-Quran (*proof reader*) yang akan membetulkannya jika terdapat kesalahan-kesalahan pada Al-Quran yang dicetak dan bertulis. Yang demikian dengan adanya berjuta-juta pembaca (*proof reader*) ini, setiap pancaran dan penyelewengan terhadap Al-Quran dengan mudahnya akan dikesan.

- b. (الْجَمْعُ فِي الصُّوَرِ أَوْ ضَبْطُ الْكِتَابَةِ) iaitu melalui tulisan dalam masa yang sama, di samping Rasulullah s.a.w mengajar dan membacakan ayat-ayat yang diturunkan kepada Baginda s.a.w untuk dihafal oleh sahabat baginda juga memerintahkan penulis-penulis wahyu supaya mencatat dan menulis ayat yang diturunkan itu. Ayat-ayat tadi pun ditulis oleh para penulis wahyu di pelepah kurma yang kering, batu-batu yang nipis, kulit, kertas dan sebagainya.

Di antara para penulis wahyu Baginda s.a.w ialah Khalifah yang empat, Abu Bakar, Umar, Utsman, Ali dan Zaid bin Sabit, Ubai bin Ka'ab, Mu'az bin Jabar, Mua'wiyah bin Abi Sufyan dan lain-lain lagi.

Selepas wafatnya baginda s.a.w, catitan-catitan Al-Quran ini telah dikumpulkan dan diserahkan kepada Saidina Umar. Kumpulan catitan Al-Quran ini berada di dalam simpanan Hafsa yang kemudiannya diserahkan kepada Saidina Othman.

Saidina Othman sebagai khalifah telah memerintahkan supaya disalin dan ditulis semula Al-Quran ini di dalam beberapa naskah untuk disebar ke negeri-negeri Islam supaya seluruh umat Islam berpegang kepada salinan naskah ini, maka terkenallah Al-Quran yang tersebar luas di seluruh dunia hari ini dengan nama *Mashaf Al-Uthmani*.

Kedua-dua sistem atau cara ini, ternyata berkesan sekali di dalam usaha menjaga dan mempertahankan keaslian, kesucian, kesolihan dan kewibawaan Al-Quran dari sebarang pencemaran dan penyelewengan. Tambahan pula ianya diperkuat dan diperteguh lagi oleh perkembangan ilmu pengetahuan Islam seperti ilmu tafsir dan penulisnya yang berkembang pesat terutama ilmu *Al-Tafsir Bi Al-Ma'sur*, *Ilmu Ar-Rasm Wa Adb-Dbabt*, *Ilmu Al-Qiraat*, *Ulm Al-Quran*, *Ilmu Al-Hadits*, *Ilmu Al-Jarb Wa At-Ta'dil*, *Ilmu Ar-Rijal*, *Fiqh*, *Usl Al-Fiqh*, *Qawa'id Al-Fiqh*, *Ilmu An-Nahwi Wa As-Sarf*, *Balaghah* dan lain-lain.

Disamping sistem *Dbabt Al-Kitabah* dan *Dbabt As-Sadr* yang diasaskan oleh Baginda s.a.w, ilmu-ilmu tradisi Islam yang disebutkan tadi juga telah berjaya memberikan sumbangan yang penting dan berkesan ianya merupakan tapisan dan saringan yang mengawal dan mempertahankan Al-Quran dan hukum-hukumnya dari tercemar dan diselewengkan.

KESIMPULAN DAN SARANAN

Adalah jelas bahawa kegiatan musuh-musuh Islam untuk mencemar dan menyelewengkan Al-Quran dan ajaran-ajaran serta hukum-hukumnya adalah hebat dan teratur. Umumnya lima bidang telah menjadi sasaran mereka, bidang-bidang tersebut ialah :

1. Al-Quran sebagai wahyu Rasulullah s.a.w sebagai penyudah nabi-nabi dan Rasul Allah. Mereka mendakwa wahyu masih diturunkan dan wujudnya nabi-nabi palsu selepas wafatnya baginda s.a.w.
2. Al-Quran dibaca berdasarkan bacaan-bacaan mutawatir dan juga bacaan-bacaan masyhur. Mereka telah cuba mencemar dan menyelewengkan Al-Quran melalui sistem bacaan ini, dengan menambah dan mengadakan bacaan-bacaan yang pada hakikatnya bukan bacaan Al-Quran yang sah.
3. Al-Quran hendaklah ditulis berdasarkan kaedah yang telah ditetapkan, mereka cuba mencemar dan menyelewengkan Al-Quran melalui bidang ini.
4. Al-Quran hendaklah ditafsir dan diterjemahkan berdasarkan



manhaj dan kaedah dan berdasarkan ilmu dan taqwa. Mereka telah cuba mencemar dan merosakkan Islam. Aqidah, Syariah dan Akhlaqnya melalui pentafsiran dan penterjemahan Al-Quran yang tidak berdasarkan kaedah, manhaj dan taqwa.

5. Asas hukum dan ajaran serta pemikiran dan falsafah Islam ialah Al-Quran, dengan demikian, mereka telah cuba mencemar dan menyelewengkan hukum-hukum Al-Quran.

Alhamdulillah, segala usaha dan percubaan jahat mereka ini telah gagal dan pasti akan gagal kerana beberapa faktor penting. Di antara faktor-faktor tersebut ialah :-

1. Jaminan yang diberikan oleh Allah s.w.t di dalam berbagai bentuk dan cara. Ada yang dengan jelas dan tegas dan ada pula yang secara kiasan dan tidak secara langsung namun ianya tetap memberikan makna dan maksud - memberi jaminan dan penjagaan.
2. Daya usaha dan tindakan yang diambil oleh baginda Rasulullah s.a.w, para sahabat dan ulama Islam seluruh dunia dan sepanjang zaman, iaitu dengan mewujudkan.

Sistem *Dhabt As-Sadr* (hafalan) dan *Dhabt Al-Kitabah* (tulisan). Sistem ini telah diperkuat dan diperteguh oleh perkembangan ilmu pengetahuan Islam tradisi dan manhaj serta kaedah yang dijadikan penapis dan penyaring pada setiap pencemaran dan penyelewengan terhadap Al-Quran. Sejarah telah membuktikan bahawa sistem ini telah berjaya dan berkesan. Usaha ini hendaklah dipertingkat dan dipergiatkan lagi.

Agar segala usaha kearah mencemar dan menyelewengkan Al-Quran dan ajaran-ajaran-Nya akan dapat terus digagalkan maka adalah wajar langkah-langkah berikut diambil :-

1. Menubuhkan sebuah *Majlis Qurra'* (القراء) dan *Muqriin* (المقرئين) yang akan bertugas untuk :
 - a. Menyelia, meneliti dan memastikan bahawa setiap Al-Quran



yang diedarkan di negara ini adalah bersih dari serang pencemaran dan penyelewengan.

- b. Memastikan bahawa setiap tafsir dan terjemahan Al-Quran yang diedarkan di negara ini tidak bertentangan dengan ajaran Islam dan tidak terkeluar dari manhaj dan kaedah pentafsiran dan penterjemahan Al-Quran.
- c. Merancang, manggalak, melaksana dan mempertingkatkan hafalan Al-Quran diseluruh negara supaya dapat melahirkan dengan banyaknya golongan yang hafal Al-Quran dan Al-Qurra' (القراء) dan Al-Muqriin (المقرئين) yang berwibawa.
- d. Mengawas dan menyelaras kegiatan yang berhubung dengan Al-Quran diseluruh negara.
- e. *Ar-Rasm Al-Uthmani* hendaklah diperkenalkan secara meluas dan dijadikan sebagai dasar kepada penulisan Al-Quran walaupun *Ar-Rasm Al-Qiyasi* tidak diharamkan.
- f. Berusaha supaya ajaran-ajaran dan hukum-hukum Al-Quran dihayati dan dilaksanakan sepenuhnya pencemaran terhadap Al-Quran dan hukum-hukumnya hendaklah dibenteras dan dihapuskan.
- g. Ilmu-ilmu Islam tradisi khususnya yang berhubung secara langsung dengan Al-Quran hendaklah dipertingkatkan pengajiannya di universiti-universiti tempatan.
- h. Menubuhkan pusat pengajian tinggi khusus berhubung dengan Al-Quran pusat ini bolehlah dinamakan *Darul Quran* bertujuan untuk mempertingkatkan dan memperkemaskan pengajian Al-Quran dan ilmu-ilmu yang berhubung secara langsung dengannya.